

# Bosnia: PM nyata pendirian Malaysia

BH 8 JUL 1994

(P)

Daripada A Nazri Abdullah  
MAHATHIR OVERSEAS.

PARIS, Khamis - Presiden Francois Mitterrand yakin keamanan di Bosnia boleh dicapai jika semua pihak mengiktiraf perlunya dipelihara perpaduan kedaulatan Bosnia melalui sempadan nasional.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam Presiden Mitterrand berkata, tumpuan perlu diberi pada formula pembahagian kawasan iaitu 49 peratus untuk Serb dan 51 peratus untuk Bosnia dan Croatia.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berpendapat pihak yang mencero boh tidak sepatutnya diberi kebenaran memiliki kawasan yang dicero boh.

"Malaysia berpegang pada prinsip ini dan ia tidak boleh diketepikan," kata Perdana Menteri.

Presiden Mitterrand tidak membantah dengan prinsip Malaysia tetapi katanya bukanlah senang untuk mengambil alih kawasan yang ditakluki oleh Serb.

Pengganas Serb kini menguasai 70 peratus kawasan di Bosnia-Herzegovina dan sekiranya formula 51-49 diperse-tujui mereka terpaksa menyerah 19 peratus kepada Bosnia.

Kesatuan Eropah, Amerika dan Rusia yang menyokong formula pembahagian kawasan ini telah mengeluarkan amaran akan mengambil tindakan lebih tegas sekiranya Serb menolak rancangan damai itu.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, dalam sidang akbar berkata semalam kedua-dua pemimpin turut membincangkan peluang kerjasama dua hala.

Katanya, Mitterrand yang baru pulang dari selatan Afrika berpendapat Perancis dan Malaysia perlu bekerjasama mengurangkan kemiskinan yang masih ketara di Afrika Selatan.

Bagi meningkatkan hubungan Malaysia-Perancis, Perdana Menteri berharap Perancis memberi peluang dan kemudahan kepada pelajar Malaysia untuk menuntut di sini.

Menurut Dr Mahathir, kerjasama dalam bidang pendidikan akan membolehkan generasi masa depan menjalin perhubungan yang lebih akrab.

Mitterrand bersetuju dengan cadangan ini dan berkata beliau akan meminta Kabinet Perancis mengambil langkah susulan.

Dalam pertemuan yang berlangsung kira-kira sejam, kedua-dua pemimpin juga bertukar pandangan berkenaan pergolakan yang berlaku di Rwanda.

Dr Mahathir melahirkan penghargaan Malaysia terhadap inisiatif Perancis menghantarkan tenteranya ke Rwanda dan berharap Perancis juga mengambil langkah yang membina di Bosnia.